# PERADUAN “WALLS BOBA SYIOK GILER”

# TERMA DAN SYARAT

## A. TERMA ASAS

| | | |
|---|---|---|
| 1 | **Penganjur** | **MEASAT BROADCAST NETWORK SYSTEMS SDN BHD**<br>All Asia Broadcast Centre<br>Technology Park Malaysia<br>Lebuhraya Puchong Sungai Besi<br>Bukit Jalil<br>57000 Kuala Lumpur, Malaysia |
| 2 | **Nama Peraduan** | Peraduan “WALLS BOBA SYIOK GILER” (“Peraduan”) |
| 3 | **Penerangan Ringkas Peraduan / Program** | **Peraduan Walls Boba Syiok Giler** ini diadakan untuk mempromosikan kempen Walls x Tealive Impulse yang dijalankan di Astro Gempak, www.gempak.com |
| 4 | **Mekanisme Ringkas Peraduan** | a) ‘Peraduan’ ini diadakan sepanjang 2 minggu bermula 19 Ogos 2020, sehingga 20 September 2020 di media sosial Astro Gempak, Instagram @astrogempak.<br>b) Cara-cara menyertai ‘Peraduan’:-<br>i. Muat naik video tentang suatu berita yang ‘Syiok’ dalam akaun Instagram anda, sebagai contoh *“Saya baru sahaja mendapat tawaran bekerja!”*<br>ii. Anda hendaklah mengakhiri video tersebut dengan menari sebagai tanda kegembiraan.<br>iii. Dibahagian kapsyen, ceritakan kenapa video yang dimuat naik tersebut merupakan momen Syiok Giler’ untuk anda. |

| | | |
|---|---|---|
| | | iv. Akaun Instagram anda hendaklah dalam mod *'public'*.<br>v. Hashtag #wallsmalaysia #syiokgilerwalls #wallsbobalicious hendaklah disertakan dalam kapsyen anda.<br>c) Kriteria pemenang adalah seperti berikut:-<br>i. Video berita paling menarik/unik yang disampaikan dalam bentuk kreatif akan terpilih.<br>ii. Dari segi pengolahan video yang paling kreatif.<br>iii. Dari segi tarian tanda kemenangan dipenghujung video yang paling menarik. |
| 5 | **Kriteria Kelayakan** | Tertakluk kepada kriteria lain yang dinyatakan di bawah iaitu di dalam Terma dan Syarat dan Piawaian Peraduan.<br><br>'Peraduan' ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas pada tarikh 'Peraduan' ini berlangsung. |
| 6 | **Kriteria Ke Tidak Layakan** | Pekerja dari Astro Malaysia Holdings Bhd, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Shaw Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Digital Five Sdn Bhd, Astro All Asia Network, **Astro GS Shop Sdn Bhd** dan kesemua ahli keluarga terdekat.<br><br>Pihak penaja **Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd** dan kesemua ahli terdekat.<br><br>***Ahli keluarga terdekat termasuk pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik beradik.** |
| 7 | **Umur Kelayakan** | Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia.<br><br>Peserta hendaklah berusia 18 tahun ke atas pada tarikh peraduan ini berlangsung. |

| | | |
|---|---|---|
| 8 | **Caj** | Pihak Penganjur tidak mengenakan sebarang bayaran untuk penyertaan 'Peraduan' yang dikemukakan oleh peserta. |
| 9 | **Tempoh Peraduan** | 'Peraduan' ini berlangsung selama 2 minggu bermula 19 Ogos 2020 hingga 20 September 2020.<br><br>**Penganjur** mempunyai hak untuk mengubah, menangguhkan atau menjadualkan semula tempoh '**Peraduan'**, tarikh pengumpulan hadiah atau mana-mana tarikh yang berkaitan dengan **'Peraduan'**. |
| 10 | **Bahasa Rasmi Peraduan** | Peraduan akan diadakan dalam Bahasa Malaysia. |
| 11 | **Prosedur Peraduan** | a) Peraduan ini diadakan dalam tempoh 2 minggu bermula 19 Ogos 2020 hingga 20 September 2020 di Akaun Instagram Astro Gempak, @astrogempak.<br>b) Peserta dikehendaki untuk menetapkan akaun dalam mod *'public'.*<br>c) Peserta dikehendaki memuat naik video momen 'Syiok Giler' yang diakhiri dengan tarian tanda kegembiraan yang paling kreatif.<br>d) Peserta hendaklah menerangkan dalam kapsyen, kenapa berita yang disampaikan dalam video tersebut adalah 'Syiok Giler' menurut mereka dengan penuh kreatif.<br>e) Peserta dikehendaki untuk menyertakan hashtag #wallsmalaysia #syiokgilerwalls #wallsbobalicious di dalam kapsyen.<br><br>**Penganjur** berhak untuk meminta Kad Pengenalan asal atau mana-mana dokumen asal peserta sebagai tujuan pengesahan pemenang. |
| 12 | **Tarikh Akhir Peraduan** | Penyertaan adalah terbuka di sepanjang 2 minggu bermula 19 Ogos 2020 peraduan dijalankan dan akan ditutup pada 20 September 2020 jam 12 tengah malam.<br><br>Penyertaan yang diterima sebelum bermulanya tempoh Peraduan dan selepas tamatnya tempoh yang telah |

| | | |
|---|---|---|
| | | ditetapkan secara langsung adalah terbatal daripada memenangi hadiah ‘Peraduan’. |
| 13 | **Mod** | Penyertaan adalah terbuka melalui media sosial Instagram, dan akan disemak oleh pihak Astro Gempak melalui penyertaan #wallsmalaysia #syiokgilerwalls #wallsbobalicious.<br><br>Pihak Astro Gempak akan menghubungi pemenang melalui akaun Instagram rasmi Astro Gempak, @astrogempak. |
| 14 | **Alamat Rasmi Peraduan** | Platform media sosial Instagram.<br><br>Disaring melalui akaun rasmi Instagram Astro Gempak, @astrogempak. |
| 15 | **Pemilihan Pemenang** | Pemenang akan dipilih mengikut kriteria dibawah:-<br>• Dari segi berita – berita yang paling menarik dan disampaikan dengan penuh kreatif<br>• Dari segi pengolahan video – pengolahan video yang kreatif<br>• Dari segi tarian – tarian tanda kegembiraan dipenghujung video yang menarik dan kreatif.<br><br>Keputusan daripada Penganjur adalah muktamad. Sebarang pertanyaan atau rayuan tidak akan dilayan. |
| 16 | **Hadiah** | Hadiah Utama – RM1000<br>Tempat Kedua – RM250<br>Tempak Ketiga – RM250 |
| 17 | **Pengumuman Pemenang** | Pemenang akan diumumkan pada 29 September seminggu selepas penyertaan ditutup. |
| 18 | **Tempoh Penebusan Hadiah** | Tertakluk pada tempoh maklum balas daripada para peserta untuk memberi maklumat yang diperlukan bagi penyerahan hadiah:<br>- Nama Penuh<br>- Nombor Kad Pengenalan<br>- No. Telefon<br>- Alamat Penghantaran |
| 19 | **Tempat Penebusan Hadiah** | Penyerahan hadiah adalah secara digital dalam bentuk baucar/cek. |

| | | |
|---|---|---|
| 20 | **Syarat Tambahan** | a) **Hanya peserta yang mempunyai alamat Malaysia sahaja yang boleh menyertai peraduan untuk mengatasi kekangan pengeposan dari pihak Penganjur.**<br>b) Peserta yang layak untuk menyertai **Peraduan** hanya boleh menyertai **Peraduan** ini 1 kali sahaja sepanjang **tempoh Peraduan** ini dijalankan.<br>c) Sekiranya pemenang tidak memberi maklumat dalam tempoh tujuh (7) hari dari hari pengumuman pemenang **Peraduan,** pemenang secara langsung akan hilang kelayakan untuk menebus hadiah.<br>d) Peserta tidak layak untuk memenangi hadiah dalam Peraduan ini jika dia telah memenangi sebarang bentuk atau hadiah lain dalam mana-mana **Peraduan** lain yang diadakan oleh **pihak Penganjur** dalam tempoh (2) dua bulan yang lepas dari tarikh nama pemenang Peraduan ini diumumkan<br>e) Pemenang Peraduan **mesti terus melanggan Astro Gempak** sehingga pengumpulan hadiah. Pihak Peganjur berhak untuk membatalkan nama peserta yang gagal untuk berbuat demikian<br>f) Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa masalah, kerugian dan/atau kerosakan yang dialami oleh pihak pemenang disebabkan oleh sebarang kelewatan dan/atau kegagalan dalam menebus hadiah **Peraduan.** |

Terma Asas dan Terma dan Syarat Standard Peraduan ("Terma dan Syarat" secara kolektif) dan Notis Privasi akan mengikat semua peserta yang menyertai Peraduan ini ("Peserta"). Takrifan dalam Terma dan Syarat Standard Peraduan akan diguna pakai melainkan sebaliknya dinyatakan dengan jelas dalam Terma Asas. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma Asas, Terma dan Syarat Standard Peraduan dan Notis Privasi, Syarat Asas dan Notis Privasi akan mengatasi sejauh mana ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat oleh Peserta Terma dan Syarat dan Notis Privasi.